



**PENERAPAN ELEMEN AL- HIKMAH TERHADAP SAUDARA BARU DI
MALAYSIA MENERUSI ORGANISASI ISLAM**

**THE APPLICATION OF AL-HIKMAH ELEMENTS OF NEW CONVERTS IN
MALAYSIA THROUGH ORGANIZATIONS**

MOHD JAINUDIN MOHD PERAN¹, RAZALEIGH MUHAMAT @ KAWANGIT²,
ABDUL GHAFAR DON³ & ZULKEFLI AINI^{2*}

- 1 Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: jainudinperan@gmail.com; raza@ukm.edu.my; a.g.don@ukm.edu.my; zulaini@ukm.edu.my

Correspondent Email: jainudinperan@gmail.com

Received: 13 January 2024

Accepted: 16 February 2024

Published: 14 March 2025

Abstrak: Penerimaan Saudara Baru ke dalam agama Islam pada hari ini adalah sebuah kurniaan hidayah daripada Allah SWT dalam perjalanan hidup mereka. Ketersediaan hati mereka yang baru memeluk Islam hasil pujukan dan kelembutan mendekati jiwa mereka telah membuka peluang untuk pertambahan bilangan umat Islam dalam komuniti di Malaysia. Namun kebelakangan ini, Pemeluk Saudara Baru dilihat sering berhadapan dengan situasi mengalami permasalahan emosi, tidak dapat mengawal emosi dan akhirnya kembali semula kepada ajaran asal kerana tertekan. Hal ini disebabkan daripada tekanan dalaman Saudara Baru itu sendiri yang masih belum mampu untuk menyesuaikan diri dengan ajaran agama Islam. Terdapat juga sebahagian Saudara Baru yang tidak boleh meneruskan kehidupan yang baik setelah mereka menganut agama Islam disebabkan daripada kekurangan pendidikan dan penjagaan. Pada hakikatnya, Saudara Baru sangat memerlukan sokongan dan bantuan daripada orang Islam untuk meningkatkan kepercayaan mereka. Hal ini sangat penting kerana Saudara Baru mengalami kesulitan untuk meneruskan kehidupan mereka. Pada awalnya orang-orang Islam akan memberikan sokongan, akan tetapi lama kelamaan Saudara Baru ini tidak mendapat sokongan dari orang sekeliling dan menyebabkan golongan Saudara Baru diketepikan. Justeru, artikel ini adalah memberi penerapan elemen al- hikmah terhadap Saudara Baru menerusi organisasi Islam untuk mendepani permasalahan Saudara Baru masa kini. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan iaitu dengan merujuk artikel, jurnal, tesis yang mempunyai hubungkait dengan tajuk perbincangan kajian. Hasil Kajian mendapati ada lima kaedah untuk mendekati Saudara Baru menerusi organisasi Islam secara *al-hikmah* dengan berkata lemah lembut & Sopan, menyantuni dengan contoh teladan, fahami keadaan dan suasana, sampaikan secara bertahap, dan penyampaian Islam secara *tarhib wa tarhib*.

Kata kunci: Penerapan, Elemen al-Hikmah, Saudara Baru, Di Malaysia, Organisasi Islam

Abstract: The acceptance of new converts to Islam today is a divine gift of guidance (hidayah) from Allah SWT in their life journey. Their willingness to embrace Islam, often influenced by persuasion and the gentle approach that touched their hearts, has opened opportunities for an increase in the Muslim population within Malaysia's community. However, in recent times, new converts are frequently observed facing emotional challenges, struggling to control their emotions, and, in some cases, reverting to their former beliefs due to stress. This issue stems from the internal pressure experienced by the converts themselves, who are still unable to adapt to the teachings of Islam. Additionally, some converts

find it challenging to lead a good life after embracing Islam due to a lack of education and support. In truth, new converts require significant support and assistance from the Muslim community to strengthen their faith. This is crucial because converts often face difficulties in continuing their lives. Initially, they may receive support from fellow Muslims, but over time, this support diminishes, leaving them marginalized within society. Therefore, this article emphasizes the incorporation of the elements of *al-hikmah* (wisdom) in addressing the issues faced by new converts through Islamic organizations. The study employs a library research method, referring to articles, journals, and theses related to the topic of discussion. The findings reveal five approaches to engaging with new converts through Islamic organizations based on *al-hikmah*: speaking with gentleness and politeness, showing compassion through exemplary behavior, understanding their circumstances and environment, delivering knowledge gradually, and presenting Islam using the method of *tarhib wa tarhib* (encouragement and deterrence).

Keywords: The Application, al-Hikmah Elements, New Converts, In Malaysia, Through Islamic Organizations



This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite This Article:

Mohd Jainudin Mohd Peran, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Abdul Ghafar Don & Zulkefli Aini. 2025. Penerapan Elemen *al-Hikmah* Terhadap Saudara Baru di Malaysia Menerusi Organisasi Islam [The Application of Al-Hikmah Elements of New Converts in Malaysia Through Organizations]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 5(1), 35-46.

PENGENALAN

Saudara Baru adalah golongan yang baru sahaja memeluk Islam setelah dijinakkan hati mereka untuk kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Menyebut perkataan Saudara Baru, perbincangan ini banyak dibahaskan oleh para ahli akademik pada hari ini. Namun dalam tempoh sedekad ini, tidak ramai yang mengambil perhatian dari aspek dakwah terhadap mereka. Isu dan permasalahan Saudara Baru seharusnya diberikan perhatian dalam kefahaman agama, lebih-lebih lagi mereka telah mengambil langkah untuk bertukar pegangan agama dan kepercayaan kepada Islam sebagai iktikad mereka sekaligus mentaati semua hukum syarak dalam Islam. Sungguhpun begitu, dengan kehadiran mereka dalam memahami agama, adakalanya mereka kurang selesa dipanggil dengan gelaran mualaf, mereka berasa senang jika di gelar `sebagai Saudara Baru ataupun saudara kita (Mohamad Zukifli Abdul Ghani et al 2014). Jika kita pelajari sejarah awal agama merekodkan pemelukan Islam Saudara Baru pada hari ini berlaku sejak zaman Nabi Muhammad SAW lagi apabila nabi cuba mengembangkan dakwah kepada keluarganya untuk membentuk Islam. Peristiwa ini dicatatkan berlaku pada zaman pembukaan Kota Mekah lagi sehingga berterusan terbentuknya masyarakat Islam di Madinah. Proses penukaran agama telah tercatat dalam kelompok yang besar sehingga Islam mula sampai ke Nusantara pada hari ini (Suraya Sintang e.t al 2018).

Namun semenjak akhir-akhir ini, perubahan begitu ketara sekali terhadap Saudara Baru yang memeluk Islam seperti perasaan yang sensitif dari segi spiritual dan emosi setelah mereka mendalami agama Islam. apabila mereka mula mengenali agama, terdapat dikalangan mereka mempunyai perasaan yang sangat sensitif darisegi sepritual dan emosi. Lebih-lebih lagi mereka

ini jika tidak mendapat perhatian dan didekati oleh masyarakat setempat mahupun para pendakwah. Mereka seharusnya memerlukan sentuhan jiwa serta perubahan ke arah positif, Lantaran itu, Saudara Baru memerlukan individu ataupun organisasi yang mempunyai jiwa yang besar dan kental untuk memandu mereka ke arah lebih baik (NurNajwa Hanani Abdul Rahman et al 2020).

Solusi yang perlu kita pelajari dizaman Rasulullah SAW dalam mendekati Saudara Baru yang baru memeluk agama, baginda memberi sentuhan pendekatan mengajar umatnya dengan pemberian zakat. Peristiwa ini telah menghasilkan minat yang mendalam bagi mereka terhadap agama (Nurwati A. Ahmad Zaluki & Azizan Abdul Rahman 2021). Bahkan al-Quran sendiri memberi formula kepada manusia beriman begitu jelas sekali dan turut menyokong untuk menarik Saudara Baru ke arah Islam antaranya dengan pemberian Zakat. Sehingga Allah SWT sendiri telah merakamkan kehidupan mereka mereka didalam kitab Suci iaitu Firman Allah dalam surah at-Taubah, 9 ayat ke 60:

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلُفَةَ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرْمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ٦٠﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya sedekah-sedekah (Zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, dan orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan muaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya. Dan orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah SWT dan musafir yang keputusan dalam perjalanan.(Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah SWT. Dan (Ingatlah) Allah SWT amat mengetahui lagi amat bijaksana. Surah at-Tauqbah (9):60

Memahami daripada konteks ayat ini sudah cukup jelas untuk kita fahami bahawa, Saudara Baru apabila diberikan hadiah dengan zakat mereka berasa gembira dan tertarik dengan agama Islam, Ini membuktikan bahawa agama Islam sangat menekankan penjagaan kebajikan bagi orang-orang yang baru mengenali agama serta dorongan motivasi dalam hidup mereka.

Namun Saudara Baru yang telah mengambil keputusan untuk memeluk agama Islam bukanlah suatu keputusan yang mudah bahkan mereka memerlukan keberanian dan kekuatan dari segi fizikal dan mental. Mereka akan mengetahui bahawa satu peristiwa yang bakal berlaku terhadap diri mereka apabila memeluk Islam, pelbagai cabaran dan rintangan mereka hadapi selepas muslim. Sebab itu umat Islam perlu memainkan peran begitu penting dalam membantu Saudara Baru dalam kehidupan. Kerana kita bimbang mereka akan kembali semula kepada agama asal mereka (Aimi Wada Ahmad & Nur Najwa Hanani Abd Rahman 2020).

Penglibatan organisasi Islam terhadap Dakwah Saudara Baru

Organisasi Islam memainkan peranan yang sangat penting dalam mendukung dakwah terhadap Saudara Baru. Sebagai institusi yang berasaskan nilai Islam, mereka berfungsi sebagai platform untuk memperkenalkan ajaran Islam secara berstruktur dan inklusif kepada individu yang baru memeluk agama ini. Selain daripada itu, organisasi Islam juga berperanan sebagai medium

yang penting dalam memperkasa pentadbiran dan pengurusan Islam dari pelbagai aspek yang menyeluruh. Dengan adanya penglibatan para pendakwah yang terlibat langsung untuk menjalankan usaha dakwah kepada Saudara baru gerakkerja lebih teratur dan sistematik. Kewujudan mereka juga amat penting kerana ia memberikan peluang untuk proses pembelajaran yang mendalam dalam melaksanakan tanggungjawab dakwah (Muhammad Safwan Harun 2020).

Dalam konteks kehidupan pada hari ini, usaha dakwah kepada Saudara Baru di Malaysia semakin giat dijalankan. Terdapat agensi-agensi Islam daripada Jabatan agama Islam Negeri (JAIN) Dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merupakan badan kerajaan serta bukan Kerajaan (NGO) seperti PERKIM, MACMA, KIMMA, dan ABIM yang bergiat aktif dalam menjalankan dakwah kepada Saudara Baru, keterlibatan mereka bukan sahaja setakat menjalankan dakwah, malahan mereka juga terus komited dalam menjaga kebajikan Saudara Baru dari segi pemberian zakat, kelas bimbingan fardu ain dan sebagainya (Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail 2018).

Selain daripada itu, Penglibatan organisasi Islam dalam dakwah saudara baru dapat dilihat melalui pelbagai bentuk, termasuk penyediaan kelas pengajian agama, program bimbingan berterusan, serta sokongan moral dan material. Misalnya, institusi seperti Jabatan Agama Islam, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam, dan masjid sering menjadi pusat utama yang menyediakan panduan awal tentang rukun Islam, cara ibadah, dan asas akidah (Roslieza Roslie 2021)

Justeru penglibatan organisasi Islam mempunyai identiti tersendiri dalam mengembangkan dakwah dan syiar Islam. Proses ini amat penting dalam mempromosikan dakwah bagi perkembangan kehidupan masyarakat Organisasi Islam yang telah dibina ataupun telah dibangunkan atas kelestarian demi memartabatkan agama seharusnya memerlukan beberapa syarat-syarat utama demi memastikan objektif dakwah tercapai. Ini secara tidak langsung mampu menjamin keberkesanan dakwah dalam struktur organisasi bagi membawa umat Islam yang mula mengenali agama cemerlang dan selamat. Jika ditinjau pada hakikatnya struktur badan organisasi dakwah pada masa kini mengikuti ajaran yang diajar berdasarkan ajaran yang terkandung dalam al-Quran dan as- Sunnah. Antaranya ialah:

1. Mengikuti ajaran Islam
2. Segala kerja dan perancangan perlu berorganisasi.
3. Memahami Islam
4. Taat dan patuh
5. Rapi dan teratur
6. Ukhuwah dan persaudaraan
7. Kejernihan hati
8. Penumpuan anggota organisasi terhadap matlamat
9. Percaya kepada pemimpin.
10. Tetap dengan pendirian
11. Berkorban

METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji menjalankan kajian dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kajian kepustakaan berdasarkan kajian-kajian lepas. Bahan-bahan yang digunakan terdiri daripada sumber primer dan sekunder seperti jurnal, artikel, majalah, buku serta tesis-tesis yang berkaitan Saudara Baru, kemudian pengkaji menganalisis secara deskriptif bagi mencapai objektif metodologi kajian. Justeru, segala isi dan fakta hasil daripada kajian ini telah dirumuskan oleh pengkaji berdasarkan kajian-kajian lepas dengan menerap pendekatan elemen al-Hikmah kepada Saudara Baru menerusi Organisasi Islam.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Penerapan al-Hikmah Terhadap Saudara Baru menerusi Organisasi Islam Di Malaysia

Untuk mendekati Saudara Baru yang baru sahaja mengenali agama, Islam menggariskan panduan kepada masyarakat sama ada individu, keluarga atau mana-mana pertubuhan organisasi untuk berdakwah kepada mereka yang baru sahaja dijinakkan dan ditarik hatinya kepada Islam. Antaranya menggunakan kaedah dakwah al-hikmah. Menurut Kamus Dewan (2007) mentakrifkan perkataan hikmah bermaksud kebijaksanaan, kecerdikan, kelebihan dan tujuan sebenar disebalik sesuatu. Dalam erti kata lain perkataan *al-Hikmah* adalah meletakkan sesuatu pada tempatnya (Zikmal Fuad 2014). Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْلِهِمْ بِأَلْسِنَةٍ حَسَنَةٍ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ١٢٥

Maksudnya: “Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui siapa yang sesat dari jalanNya dan Dia lah jua yang lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjuk”
Surah an-Nahl (16) :125

Makna ayat di atas menyatakan bahawa hikmah bermakna ucapan-ucapan yang benar dan munasabah yang mengandungi hujah-hujah yang kukuh, bernas dan meyakinkan. Sayyid Qutub (1994) menerangkan bahawa untuk melakukan dakwah dengan menggunakan metode hikmah, memerlukan pemerhatian kepada tiga perkara utama iaitu pertama persekitaran sosial dan taraf kemasyarakatan yang menjadi sasaran dakwah (mad'u), kedua standard bahagian dan material dakwah yang akan disampaikan kepada sasaran dakwah, agar bersesuaian dengan tahap kefahaman dan intelektual mereka. Ketiga, Pendekatan yang sesuai dan munasabah, dengan menggunakan pelbagai cara dan metode yang dapat membangkit semangat mereka, sehingga isi dakwah yang dikemukakan dapat diterima dengan hati dan fikiran yang terbuka (Razellig Muhamat t.th). Ada beberapa pendekatan *al-Hikmah* terhadap Saudara Baru yang boleh dicontoh dalam kehidupan seorang pendakwah mahupun sebuah organisasi, antaranya:

i. Berkata-kata lemah lembut & Sopan

Seorang pendakwah yang ingin menyampaikan misi risalahnya kepada masyarakat ataupun Saudara Baru sesuai menggunakan kaedah yang diajar oleh Islam iaitu dengan kata-kata yang baik, sopan santun, dan lembut. (Zikmal Fuad 2014). Menurut Saiful Azry (2019) kata-kata yang baik mengandungi nasihat-nasihat berbentuk peringatan, ucapan dan teguran. Kaedah ini mampu menarik mad'u untuk tertarik kepada ajaran Islam yang sebenar. Bahkan menurut kisah para nabi dan rasul menyampaikan usaha dakwah mereka dengan penyampaian kata-kata yang baik, lembut, sopan dan lunak. Hal ini terbukti sebagaimana yang Allah memerintahkan Nabi Musa a.s dan Nabi Harun a.s berkata dengan lemah-lembut ketika berdakwah kepada pemerintah yang jahat lagi zalim seperti firaun. Perhatikan firman Allah yang bermaksud”

أَذْهَبًا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ٤٣ فَفُؤَا لَهٗ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ٤٤

Maksudnya: “Pergilah kamu berdua kepada firaun, sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya. Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya dengan kata-kata yang baik dan lemah-lembut. Semoga ia beringat atau takut”. Surah Taha (20) 43-44

Bukti ajaran al-Quran ini menterjemahkan kepada manusia yang beriman, agar kita seharusnya mendekati masyarakat dengan sifat yang baik dalam kehidupan. Seorang pendakwah yang ingin menyampaikan risalah dakwah dan mendekati masyarakat perlu menjadikan al-Quran sebagai panduan dalam hidup iaitu dengan cara yang baik, sopan santun, lemah lembut, kecuali bagi mereka yang memperlihatkan keangkuhan dan kezaliman dalam diri mereka.

Menurut Imam Nawawi dalam Kitab Riyad al-Salihin dalam (Muhammaf Fairuz 2017) berpendapat penggunaan kata-kata yang baik dan bahasa yang sopan adalah salah satu daripada sifat beradab yang mampu mencerminkan akhlak yang tinggi dan sifat terpuji dalam diri seseorang. Pandangan ini turut dipersetujui oleh Zikmal & Atoh (2014) untuk mendekati para masyarakat dan mad'u seharusnya menggunakan bahasa yang sesuai dan lembut dalam menarik mereka kepada Islam. Malahan penggunaan bahasa yang kasar, keras, menyalahi budaya dan bersifat negatif menjadi punca utama kepada kegagalan dakwah yang ingin disampaikan.

Dalam menyantuni dakwah kepada masyarakat kini ataupun orang yang mengenali agama seperti Saudara Baru, penggunaan bahasa memainkan peranan penting untuk mempengaruhi jiwa manusia. Metode dakwah ini perlu digunakan oleh para pendakwah untuk menyampaikan ilmu agama. Di sini kita melihat, bahawanya pengaruh dakwah dengan lisan merupakan teknik asas yang wajib dikuasai oleh para pendakwah untuk menyampaikan Islam. (Nur Amalin Aziz & Khazri 2022).

Oleh yang demikian, para pendakwah yang berusaha menjadikan dakwah mereka dengan baik terhadap Saudara Baru dengan menggunakan kaedah kata-kata yang baik dan lemah lembut antara faktor penyumbang utama penarikan mereka terhadap Islam. Mereka seharusnya disantuni dengan kalimah-kalimah yang indah dalam berbahasa agar persepsi dan penerimaan mereka terhadap agama disambut dengan baik. Lebih-Lebih lagi, silaturahim antara

pendakwah dan Saudara Baru semakin bertambah erat dan menyebabkan mereka bersemangat dalam kehidupan beragama.

ii. Menyantuni dengan contoh teladan

Tugas seorang pendakwah bukan sahaja mengajak manusia untuk ke arah kebaikan, tetapi sekaligus perlu menyantuninya dengan contoh teladan yang baik dalam kehidupan (Nurul Izzah & Razeligh Kawangit 2020). Meneladani dakwah dalam arus kehidupan, personaliti yang paling terbaik untuk menjadi contoh teladan pendakwah adalah Rasulullah SAW, ini dinyatakan dalam surah al-Azhab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ۚ ٢١

Maksudnya: Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah SAW itu suri teladan yang baik bagimu iaitu orang yang mengharap rahmat Allah dan kedatangan hari kiamat” Surah al-Azhab (33): 21

Mempelajari daripada ayat ini, Rasulullah antara insan pendakwah yang hebat sepanjang zaman. Personaliti yang ada pada baginda mempunyai akhlak yang paling menawan serta terpuji. Dengan kewujudan akhlak yang dipelajari daripada Rasulullah SAW, maka Islam dapat disebarkan ke seluruh alam. Bahkan kesan daripada kepimpinan Rasulullah menyebabkan contoh ikutan para sahabat-sahabat dan menjadi ikutan umatnya sehingga hari ini (Md Rozalafri Johori et al 2013).

Dakwah yang cuba dipandu oleh Rasulullah ke atas umat bertunjangkan akhlak dan pekerti yang mulia. Kita sering diperingatkan bahawa untuk mengajar manusia Kembali kepada Islam adalah dengan akhlak yang baik. Rasulullah sering mengajar ke atas umatnya bahawa dakwah dan akhlak saling berkaitan. Ia tidak boleh berpecah dua, perlu nya bergabung menjadi satu. Baginda SAW begitu teliti dalam mendidik para sahabat, dari sekecil-kecil perkara sehingga sebesar-sebesar perkara (Mohammad Zarifi Mohamad Daud 2018).

Pendidikan akhlak yang baik ini, Membuktikan Islam mengangkat manusia sebagai pembawa pekerti mulia dalam kehidupan beragama. Akhlak yang mulia merupakan perhiasan yang paling tinggi nilainya oleh seorang muslim. Orang-orang yang berakhlak mulia adalah orang yang mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi mengenai tingkah laku diri peribadinya sendiri dan masyarakat yang berhubung dengan nilai-nilai akhlak dalam ajaran agama. Untuk melahirkan akhlak yang mulia bukan satu perkara yang senang, ianya lahir dari ketakwaan yang sejati kepada Allah berserta mencegah seseorang muslim dari perbuatan yang dipandang jijik lagi hina oleh Allah SWT dan rasul (Shaik Abdullah Hassan Hydin, Abdul Salam Muhamad Shukri & Mohd Abbas Abdul Razak 2020)

Siti Fatimah Salleh et al (2018) mendedahkan antara faktor tertariknya Saudara Baru pada kepada Islam pada hari ini adalah disebabkan daripada akhlak, mereka tertarik dan berminat dengan gaya hidup atau budaya orang Islam. Perwatakan orang Islam yang ditonjolkan melalui akhlak, nilai dan adab menarik minat golongan non muslim kepada Islam.

Ini disebabkan mereka pada mulanya berasa keliru dengan agama asal yang mereka anuti, kemudian mengambil pendekatan untuk bertukar agama kepada agama Islam.

Justeru, Pendakwah hari ini perlu memainkan peranan penting untuk mempamerkan contoh teladan yang baik terhadap Saudara Baru. Mereka bukan sahaja mampu melihat Islam suatu agama yang baik untuk diikuti. Bahkan mereka turut teruja dan gembira dengan akhlak yang baik cuba ditunjukkan oleh orang Islam sendiri.

iii. Fahami keadaan dan Suasana

Berdakwah dengan *al-Hikmah* juga adalah kita perlu mengetahui keadaan orang yang cuba didakwahkan, lebih-lebih lagi melibatkan orang yang baru mengenali agama. Saudara Baru insan yang lembut dan baru dilunakkan hati mereka. Fikiran mereka masih belum stabil kerana sering terganggu dari sudut emosi (Nur Najwah Hanani 2020). Kita seharusnya tahu tahap pemikiran mereka, keadaan jiwa mereka. Malah amat baik juga kita fahami aspek-aspek budaya, kepercayaan, dan emosi mereka.

Anuar Puteh (2002) melaporkan pelbagai masalah dan cabaran terpaksa dihadapi Saudara Baru dari pelbagai aspek, antaranya masalah mendepani emosi sendiri, keluarga, perubahan adat dan budaya, ekonomi, kerjaya, masyarakat, perundangan dan sebagainya. Masalah-masalah ini mampu merebak dan memberi kesan kepada Saudara Baru dengan lebih serius hingga ke peringkat kembali kepada agama asal (murtad) sekiranya ia tidak ditangani dengan segera.

Salasiah Hanin Hamjah (2011) berkata perubahan emosi dan tingkah laku yang dialami oleh seseorang yang memeluk Islam adalah penting untuk diambil perhatian supaya dapat menjadi faktor sokongan kepada individu yang baru memeluk Islam ataupun menjadi elemen dakwah kepada seseorang yang mula berjinak dengan ajaran Islam.

Lebih menyedihkan Nur Athiroh Masyail Tan dan Fariza Md Sham (2009) menceritakan pelbagai cabaran yang harus ditempuhi oleh Saudara Baru semasa dan selepas memeluk agama Islam. Di antaranya mendapat tentangan yang hebat daripada keluarga kandung yang belum memeluk Islam. Sikap pemuluan ke atas diri saudara kita, kenyataan tidak mengakui anak kandung oleh bapa, tidak dibenarkan pulang ke rumah dan putusnya segala perhubungan sama ada darisegi kekeluargaan, kewangan dan hubungan sosial yang lain. Peristiwa menyebabkan mengganggu emosi buat Saudara Baru sehingga menyebabkan tekanan perasaan

Nur Hikmah binti Mubarak Ali dan Nadiyah Elias (2022) turut berkata jarang ditemui bagi kumpulan Saudara Baru yang baru memeluk Islam dalam keadaan selesa, bermulanya daripada mereka menukar agama sehinggalah tidak dilayan baik oleh keluarga dan sanak-sanak saudara. Pada tanggapan mereka budaya menukar agama kepada agama Islam adalah perbuatan yang amat dibenci dan dianggap satu bentuk pengkhianatan serta penghinaan kepada keturunan kerana dianggap memutuskan tali kekeluargaan.

Sebab itu, Saudara Baru yang baru mengenali agama dan memeluk Islam memerlukan bimbingan serta dorongan daripada masyarakat, sama ada secara individu mahupun secara berorganisasi. Tujuan bimbingan ini adalah untuk memastikan mereka terus berada dalam landasan dan jalan kebenaran iaitu cahaya syiar Islam yang sebenarnya. Bimbingan dan tunjuk ajar secara berterusan hendaklah diberikan supaya proses pemahaman dan pembelajaran

mereka tentang Islam secara menyeluruh meliputi segala aspek kehidupan (Nur Zufhika Zamzuri Arif & Khazri Osman 2022). Organisasi Islam ataupun pendakwah perlu mendekati Saudara Baru dengan hikmah dengan cara fahami keadaan dan suasana mereka. Mereka ini harus di dekati dengan cara yang baik kerana jiwa mereka masih dalam keadaan bercelaru.

iv. Sampaikan secara bertahap

Untuk membentuk jati diri Saudara Baru yang memeluk Islam kaedah pertama seharusnya disampaikan oleh para pendakwah ataupun organisasi hendaklah penyampaian dakwah secara berperingkat-peringkat dan bertahap kerana mereka masih baru lagi dalam agama Islam dan dalam fasa mula mengenali hidup baru.

Dalam fasa mula mengenali agama, Ahmad Yunus Kasim, Samsudin Abdul Hamid dan Misnan Jemali (2017) memberi saranan kepada Saudara Baru iaitu harus diberikan pendidikan dan kefahaman akidah pada mula pemeluk agama Islam. Pendidikan dan kefahaman ini harus ditanam agar mereka benar-benar memahami ajaran Islam yang sebenar, mereka bukan sahaja tidak faham bahkan kehidupan mereka memeluk Islam umpama bayi yang baru dilahirkan. Tanpa bimbingan dan didikan yang sempurna seorang Saudara Baru ataupun mualaf itu hidupnya terumbang ambing, berada kejahilan serta kecenderungan untuk Kembali kepada agama asal mereka.

Mohd Zulkifli Abdul Ghani et al (2017) pernah membahaskan dalam kajiannya berkenaan *Fiqh Awlawiyyat* dalam dakwah Saudara Baru yang mana perbincangan beliau menekankan utama dalam ibadah yang perlu dilaksanakan setelah memeluk Islam, ia dikenali fiqh Awlawiyyat. Fiqh Awlawiyyat penting diberikan pendedahan kepada Saudara Baru untuk memberikan kefahaman Islam secara betul, tujuan syariat Islam dan cara mengamalkan Islam dalam kehidupan. Penekanan pelaksanaan Islam secara berperingkat juga penting supaya Islam yang mereka yakini menjadi amalan yang sebenar

Menurut Padzal (1997) mesej dakwah perlu disampaikan dengan mendahulukan aspek akidah berbanding syariah dan akhlak. Hal ini disebabkan keimanan adalah perkara pertama yang harus ditanam dalam diri manusia. Iman bermakna akidah yang benar, yang dapat membetulkan pandangan seseorang terhadap prinsip, perjalanan hidup dan tujuan hidup seseorang di dunia ini. Malahan al-Qardawi (1996) juga turut bersetuju bahawa akidah yang kukuh dapat menjawab pelbagai pertanyaan yang berputar di minda bukan Islam.

Bahkan Rasulullah dalam permulaan dakwahnya semasa di Mekah, iaitu lebih kurang selama 13 tahun lamanya, baginda mentarbiah dan mendidik umatnya dengan penanaman akidah. Dalam konteks dakwah ini, Nabi menggunakan dengan berbagai cara dan pendekatan yang berbeza. Jika di teliti dalam konteks sejarah, metodologi dakwah Nabi SAW di peringkat permulaan di Mekah ia boleh dilihat daripada beberapa sudut iaitu membina kepercayaan yang meyakinkan bahawa baginda adalah utusan Allah SWT serta memperbetulkan cara berkehidupan beragama (Mohd Abu bakar 2010).

Justeru penyampaian ilmu secara beperingkat-peringkat dan bertahap adalah salah satu langkah yang baik dalam proses kehidupan Saudara Baru ataupun mualaf. Mereka mengenal ilmu didikan bermula daripada asas iaitu penanaman akidah yang kukuh untuk mengenali tuhan. Dengan ajaran sebegini mereka tidak berasa keliru memahami Islam.

V. Penyampaian Islam secara targhib wa Tarhib

Bagi melahirkan Saudara Baru yang mempunyai peradaban dan memenuhi pengamalan agama yang kukuh memerlukan pendekatan al- hikmah secara targhib dan tarhib. Ab. Aziz Mohd Zin (2001:164), Fariza Md. Sham (2005), Siti Labibah (2008) serta Mohd Khairul Nizam(2013) menerangkan *al-targhib* sebagai suatu galakan dan rangsangan kepada manusia dalam bentuk ganjaran pahala dan balasan baik supaya mereka sentiasa berbuat baik dan meninggalkan segala larangan. Ia sangat sesuai dengan semua peringkat sasaran kerana boleh meninggalkan kesan yang baik untuk melakukan kebaikan. Manakala pendekatan tarhib adalah menakutkan orang ramai dari menjauhi diri dengan Allah, mensia-siakan fardu-fardunya, cuai dalam menunaikan hak-haknya serta hak-hak hambanya dengan melakukan perkara yang ditegah Allah dari perbuatan jahat dan keji dalam apa-apa bidang kehidupan. Menarik manusia supaya tidak melanggar batas-batas Allah dengan cara penggerunan melalui perkara yang disediakan oleh Allah kepada sesiapa yang menderhaka dan menyalahi manhajnya dengan azab di dunia dan akhirat (Yusuf al-Qaradhawi 1993).

Menurut Abd al-Karim Zaidan (2000:211) menyatakan pendekatan *al-targhib* mendorong manusia melakukan kebaikan dengan memberi kegembiraan tentang pahala yang akan didapati di hari akhirat. Mohamad Khairudin et al. (2014:) turut mnengatakan menyatakan hal yang sama pendekatan *al-targhib* dalam tradisi Islam pula digunakan sebagai motivasi atau pujukan dan galakan kepada manusia untuk terus melakukan amal kebaikan dengan diganjaran syurga atau pahala setelah dihisab nanti. Siti Labibah (2008:) pernah menekankan bahawa pendekatan *al-targhib* dapat memberikan khabar gembira yang akan membuatkan hati sasaran dakwah menerima dengan baik dan lega. Dorongan ini akan menumbuhkan harapan dan optimisme seseorang untuk mengamalkan dakwah yang disampaikan. Fariza (2005) turut mengakui pendekatan *al-targhib* mempunyai persamaan dengan pendekatan motivasi yang dapat membina sahsiah Islam melalui peneguhan tingkah laku untuk menghayati akidah tauhid, amalan syariat Islam dan berakhlak mulia.

Salah cara untuk mendekati Saudara Baru kepada Islam secara targhib dan tarhib adalah dengan kaedah secara kaunseling. Mohd Afandi Mat Rani et al (2022) mendedahkan pendekatan menggunakan kaedah kaunseling dalam pendidikan terhadap mualaf sangat Penting. Aimi Wafa Ahmad & Najwah Hanani Abdul Rahman (2020) mengatakan Dakwah secara kaunseling dapat membantu pintu hati saudara abru yang masih ragu-ragu dengan ajaran agama Islam atau Saudara Baru yang masih belum Kembali kepada fitrah disebabkan cabaran dan tekanan yang dihadapi oleh Saudara Baru sepanjang bergelar Saudara Baru, aktiviti dakwah dan kaunseling anjuran pihak berwajib amat diperlukan.

Rasionalnya Saudara Baru memerlukan cara kaunseling dan perlunya bimbingan menurut perspektif Islam kerana prinsip perkhidmatan bimbingan meyakini bahawa manusia itu pada asasnya sangat lemah dan kehendaknya adalah terbatas. Dengan bimbingan saudara muslim akan mendapat peluang menyedari dan mengenali dirinya dan seterusnya dapat mengenali Tuhannya (Razaleigh Muhamat 2015).

Uslub *targhib wa tarhib* dengan kaedah kaunseling dimulai dengan memberi galakan melalui pemberitahuan tentang kebaikan Islam, ganjaran pahala dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT di samping keampunan dan penerimaan taubat setiap manusia yang ingin bertaubat. Seiringan itu disusuli dengan pula dengan penjelasan tentang azab dan akibat bagi

sesiapa yang melakukan keingkaran dan kerosakan. Kombinasi seperti ini perlu untuk menambahkan ketakwaan manusia dengan melahirkan rasa takut, gentar dan gerun dengan ancaman Allah SWT. Justeru di sini wujud istilah tawazun iaitu keseimbangan dalam proses bimbingan dan didikan muallaf (Ridhwan Tee & Redwan Yasin: 2014).

KESIMPULAN

Secara Kesimpulannya sebagai organisasi Islam ataupun individu yang menyebarkan dakwah kepada Saudara Baru yang baru mula mengenali Islam. Perlunya menekankan dakwah secara *al-Hikmah* dalam dakwah mereka agar sesuatu yang dirancang dan matlamat mampu dicapai dengan jayanya. Saudara Baru golongan wajib didekati secara hikmah, kerana mereka ini masih dalam proses baru mula mengenali agama. Jiwa dan perasaan mereka sensitif dan memerlukan sentuhan daripada masyarakat setempat. Sebab itu Islam sifatnya berbentuk agama nasihat yang pada mulanya difahami bagi orang-orang yang jahil yang baru mula mengenali perkara kebaikan. Jika penerapan *al-Hikmah* ini diterapkan kepada Saudara Baru dalam proses dakwah, sudah tentu bahawa mereka bertambah seronok dan bahagia bilamana mereka sudah berada dalam agama Islam yang betul. Justeru organisasi Islam adalah tonggak utama memainkan peranan penting dalam membimbing Saudara Baru ke arah kebaikan. Saudara Baru insan yang sangat istimewa dan memerlukan sentuhan jiwa.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd. Zain. 2001. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh, Ahmad Irdha Mokthar. 2018. *Spektrum Dakwah*. Penerbit Univeriti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali. 2017. Pengajaran Akidah dalam kalangan Muallaf di Institut Dakwah Islamiyah Perkim. *Jurnal Perspektif: Special Issue 1* (2017). 2: 234.442
- Aini Wafa Ahmad & Nur Najwa Hanani Abd Rahman. 2020. Sokongan Sosial: Satu Keperluan Dalam Pemerksaan Saudara Baru. *Jurnal Pengajian Islam*. 13(2): 238-253.
- Anuar Puteh. 2002. Saudara Baru Cina di Malaysia: Kepentingannya dalam konteks dakwah. Dlm. *Dakwah Kepada Masyarakat Muslim di Malaysia*. Sulaiman Ibrahim, Othman Talib & Anuar Puteh. Hlm. 133. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- QaradhawiAI-, Yusuf. 1996. *Fi fiqh al-awlawiyat: Dirasah Jadidah fi daw al-Quran wa al Sunnah*. (terj.) Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd. Ramli Awang. 2.
- Fariza Md. Sham. 2005. *Dakwah Kepada Remaja Yang mengalami Tekanan Emosi: Kajian Selangor Darul Ehsan*. Tesis Phd. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Mohamad Zarifi Mohamad Daud. 2018. *Menyantuni Ummat, Membawa Rahmat*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kamus Dewan*. 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Md Rozalafri Johori, Nur Syamimi Harun, Mohd Daly Daud & Rahmahtunnisah Sailin. 2013. 30 Minit bersama Ustaz Don, TV al-Hijrah: Suatu Perspektif pendekatan komunikasi

- Dakwah melalui Penampilan personaliti. *International Conference on Islamic Education*.
- Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Johaibi Johan, Abu Dardaa Mohamad, Anuar Puteh. 2014. Dakwah Saudara Baru orang asli dari Persepektif Maqasyid al-Syariah. *Seminar Antarbangsa Dakwah & Etnik 2014: Perspektif Multi* - Disunting Oleh Anuar Puteh & Ahmad Mokhtar. Pusat Kajian Dakwah orang Asli dan Pribumi. Ukm.Bangi Selangor.
- Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri. 2013. *Motivasi Gaya Rasulullah*. Batu Caves: PTS Millennia Sdn.Bhd.
- Mohamad Abu Bakar Abdul Rahman. 2010. Metodologi Dakwah Rasulullah SAW Di Peringkat Permulaan di Mekah: Aplikasinya di Singapura. Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Kuala Lumpur.
- Muhammad Fairuz Ali, Che Radiah Mezah & Mohd Sukki Othman. 2017. Pendekatan bahasa sopan dalam al-Quran satu kajian dari perspektif surah Yusuf. *Jurnal al-Sirat*. 16(1). Muka Surat 1-11
- Nurul Izzah Che Zaidi & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2020. Personaliti Pendakwah dalam menyantuni masyarakat Non- Muslim. *Jurnal al-Hikmah*. UKM.
- Nur Hkmah binti Mubarak Ali & Nadiyah Elias.2022. Pendekatan Dakwah bil Hikmah Terhadap saudra baru di Filipina. *The Internatioanal Journal of Islamic Studies and Culture* (IJISC). 1(1): 244-249
- Nur Amalin Abd Aziz & Khazri. 2022. Kepentingan Berbahasa Dalam Komunikasi Dakwah: Adakah Releven Pada Generasi Baru: *Seminar & Wahdah al-Ummah, Integrasi Dakwah di Malaysia merentas Zaman*, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Nur Najwa Hanani Abrul Rahman, Akmaliza Abdullah. Mohammad Naqib Hamdan, Aimi Wafa Ahmad. 2020. Hubungan Emosi dan Akhlak dalam kekeluargaan Saudara Baru Selepas MemelukIslam. *BITARA Internatioanal Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 6(3): 22-33.
- Nurwati A. Ahmad Zaluki & Azizan Abdul Rahman.2021. Zakat dan muallaf serta kaitannya dengan Maqasid Shari'ah. *Internatioanal Journal of Zakat and Philanthropy*. 3(1). 125-136
- Nur A'Thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao & Fariza Md Sham.20019. Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim. *Jurnal Hadhari*. 2: 83-97
- Nur Zufhika Zamzuri Arif & Khazri Osman. 2022. Pendekatan Dakwah Terhadap Golongan Mualaf. Seminar Dakwah &Wahdah Al-Ummah 2022, Integrasi Dakwah di Malaysia Merentas Zaman, FakultiPengajian Islam. Ukm.
- Roslieza Rosli.2021. Pengaruh Aktiviti Dakwah Non- Governmental Organization (NGO) Kepada Golongan Mualaf Di Malaysia. Tesis Phd, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam. Bangi: UKM
- SaifulAzry Mokhtar, Kasoma Thia, & Habibah Artini Ramlie.2019. Pendekatan Dakwah Jabatan Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Terhadap banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan awal. *Jurnal al-Hikmah*. 11(2). 68-87
- Shaik Abdullah Hassan Hydin, Abdul Salam Muhamad Shukri & Mohd Abbas Abdul Razak 2020. Peranan akhlak dalam kehidupan: Tinjauan wacana akhlak Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat kotemporari*. 21(2). 38-54.

- Suraya Sintang, Kasim Mansur, Dayangku Aslinah Abd Rahim, Sarip Adul, Dullah Muluk, Roslinah Mahmud. 2018. "Saudara Baru" Di Sabah: Isu dan Permasalahan Masakini. *Jurnal Penyelidikan Islam* 30(3). 140-159
- Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. 2018. Pengurusan Mualaf Di Malaysia: Kerajaan Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 16 (Special Edition):133-155.
- Siti Fatimah Salleh, Nadhirah Nordin, Siti Khatijah Ismail & Siti Hajar Mohamad Yusof. 2018. Cabaran dan Implikasi Pengurusan dokumentasi Saudara Baru. Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kotemperori. Fakulti Pengajian Kotemperori Islam (FKI) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Siti Labibah Mohd Khailanai. 2008. Pendekatan Psikologi Dakwah Terhadap Pemulihan Penagih Dadah: Kajian Di Pusat Serenti Dengkil Selangor Darul Ehsan. Bangi: Tesis Sarjana Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zikmal Fuad. 2014. Pendekatan Rasulullah bi al-Hikmah: Bila harus berkata dan bila harus diam (Satu sorotan ringkas). *International Research Management and innovation Confrence* 12: 542.547.
- Zikmal Fuad dan Ahmad 'Ato'a Mokhtar (2014). Pendekatan Bahasa Dalam Dakwah: Satu Sorotan Ringkas. *International Research Management and Innovation Conference*. November 2014. Kolej Universiti Islam Selangor.